

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Larangan ke kasino: Dr M akan umum segera

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan hari ini, beliau akan mengemukakan penguatkuasaan langkah melarang umat Islam memasuki kasino di Genting Highlands, sedikit masa lagi.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan masih mengkaji laporan penguatkuasaan pengharaman itu dan akan mengemukakan secepat mungkin.

## Masalah

"Kita akan membuat pengumuman sebaik sahaja laporan itu siap", katanya ketika ditemui oleh para pemberita selepas merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia ke 7 di sini.

Ditanya sama ada larangan itu dapat dikuatkuasakan menjelang akhir bulan ini, beliau berkata, biarlah laporan itu dikaji dengan teliti terlebih

dulu dan masalah pengempatan pekerja-pekerja Islam di kasino itu diselesaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim berkata larangan umat Islam memasuki kasino itu akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Persiapan-persiapan terakhir telah diatur untuk memindahkan pekerja-pekerja Islam di Casino de Genting ke bahagian lain seperti hotel, restoran dan bahagian kakitangan.

"Kerajaan sedang dalam peringkat akhir berunding dengan pihak hotel mengenai perkara itu", kata Encik Anwar.

Setakat ini, hanya 30

pekerja Islam masih bekerja di kasino itu dari jumlah 300 orang sehingga akhir tahun lalu. Mereka akan dipindahkan berperingkat sehingga semuanya bertukar kerja.

## Perjudian

Encik Anwar juga memberitahu, langkah untuk melarang umat Islam berjudi di kasino itu tidak munasabah selagi terdapat pekerja Islam di situ.

Langkah mengharamkan umat Islam dari kasino itu mula-mula dibangkitkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO di Perhimpunan Agung tahun lalu.

Satu keputusan yang dibentang dan



**DATUK SERI  
DR MAHATHIR**

diluluskan menggesa Kerajaan mengharuskan semua bentuk perjudian, termasuk menutup kasino di Genting Highlands.

Ekoran itu, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO mengumumkan Kerajaan sedang mengambil langkah mengharamkan umat Islam memasuki kasino tersebut.